# LEMBAGA JURUKUR TANAH
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my


RUJUKAN TUAN: LJT SULIT 410 / ( 112 )

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

11 Mac 2010

Jurukur Tanah Berlesen

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**Per : PENGGUNAAN SEPENUHNYA APPLIKASI SISTEM eLJT**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

1. Sukacita dimaklumkan semua urusan pendaftaran dan permohonan (Seperti yang tertera dalam *Lampiran A*) akan menggunakan sistem eLJT sepenuhnya bermula dari **01hb April 2011.**

2. YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan hendaklah membuat urusan secara *on-line* menerusi eLJT. Sekiranya terdapat dokumen yang perlu diserahkan secara manual seperti cek, pelan pra-perhitungan dan lain-lain, sila lampirkan bersama dengan borang yang dicetak daripada sistem eLJT dan hantarkan ke Lembaga. Sebarang penyerahan borang manual lama seperti LJT1, LJT12 dan seumpamanya tidak akan diterima.

3. Sekiranya YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan menggunakan eLJT untuk pertama kali, sila gunakan login dan katalaluan yang telah diberikan pada peringkat fasa pertama dahulu (Rujukan Surat: LJT SULIT 410/(99) bertarikh 24hb Julai 2009). Oleh kerana penyerahan borang melalui eLJT memerlukan ***digital signature***, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapatkan/memperbaharui lesen *certificate* daripada pengeluar *certificate* yang diiktiraf seperti Digicert Sdn. Bhd.

4. YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan boleh merujuk kepada menu *HELP* (Bantuan) sistem eLJT untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan Tatacara/Prosedur Pengendalian Standard (*Standard Operating Procedure*) perdaftaran/permohonan dan juga memuat turun manual sistem eLJT sebagai rujukan.

5. Sebarang masalah dan kesulitan boleh dilaporkan menerusi e-mel kepada helpdesk@ljt.org.my , melalui faksimili atau menghubungi terus pegawai bertugas **Pn.**

**Norzailinda bt. Zainal Abidin / Pn. Shariah Megat Suffian** di talian **03-41085191 samb. 133** pada waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(Sr ABU HAMID BIN SELAMAT)**
***Setiausaha***
Lembaga Jurukur Tanah

s.k. 1. YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir Taib *DSDK SDK KMN*
Pengerusi Lembaga

2. PEJUTA

## Senarai Borang Permohonan Sistem eLJT

| No | Kategori | Keterangan |
|---|---|---|
| 1. | Kerja Ukur | • LJT800 (LJT1) – Pendaftaran Kerja Ukur Hakmilik Tanah<br>• LJT802 (LJT14) – Permohonan Bayaran Kerja Padang Siap (Tanah)<br>• LJT804 (LJT2) – Permohonan Bayaran Kerja Ukur Selesai (Tanah)<br>• LJT810 – Tambahan Lot (Tanah)<br>• LJT700 (LJT12) – Pendaftaran Kerja Ukur Hakmilik Strata<br>• LJT702 (LJT13) – Permohonan Bayaran Kerja Padang Siap (Strata)<br>• LJT704 (LJT13A) – Permohonan Bayaran Kerja Ukur Selesai (Strata)<br>• LJT 600 (LJT 3) – Pengesahan Penghantaran Dokumen Ke JUPEM<br>• LJT710 – Tambahan Strata |

**Makluman :**

1. Senarai fungsi eLJT yang disediakan di atas mungkin akan berubah dari masa ke semasa tertakluk kepada polisi Lembaga.